

08 JUN 2003

PBT PERLU SERIUS DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN, KATA ONG

KLUANG, 8 Jun (Bernama) -- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mengambil perhatian serius dalam merancang pembangunan yang seimbang dalam usaha memastikan kehidupan rakyat sentiasa selesa, mesra alam dan berkualiti.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting hari ini berkata usaha itu perlu dilaksanakan secara serius dalam usaha memastikan perkhidmatan yang memuaskan sejajar dengan wawasan pembangunan negara.

Dengan hal itu, satu mesyuarat perancangan fizikal negara akan diadakan tidak lama lagi bagi membincangkan soal pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar, katanya pada sidang media selepas merasmikan pelancaran Taman Putrimas, Simpang Renggam, dekat sini.

Ong yang baru dilantik sebagai Presiden MCA berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammed akan mempengerusikan mesyuarat itu yang melibatkan Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Mengenai tahap kebersihan tandas dan pembuangan sampah, Ong menegaskan bahawa kerajaan memang serius terhadap perkara itu dan sedang berusaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih.

-- BERNAMA

BH DC PR